

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Kaum Melayu merupakan kaum utama di Malaysia dan diikuti dengan kaum Cina dan kaum India. Selain daripada tiga kaum utama yang tersebut, terdapat juga beberapa suku kaum iaitu kaum Kadazan, Murut, Iban dan Bajau. Setiap kaum ini menggunakan bahasa tersendiri sewaktu mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Budaya, cara hidup dan adat resam juga berbeza antara kaum. Maka, tidak hairanlah jika sesuatu kaum berkebolehan lebih daripada satu bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka. Dari aspek linguistik, masyarakat yang berkebolehan lebih daripada satu bahasa dikenali sebagai masyarakat bilingual. Sebagai contohnya, masyarakat kaum India di negara ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda, namun begitu mereka juga mahir menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Maka, masyarakat India dikenali sebagai masyarakat bilingual kerana berkebolehan lebih daripada satu bahasa. Tambahan pula, penguasaan bahasa lain selain dari bahasa ibunda juga dikenali sebagai bahasa kedua.

Percampuran kod (code mixing) merupakan satu fenomena biasa berlaku dalam kalangan mereka yang boleh berbahasa lebih daripada satu bahasa. Percampuran kod berlaku apabila seorang itu menukar bahasanya secara berselang-seli dalam komunikasi. Percampuran kod berlaku apabila penutur mengetahui dan mahir dalam penggunaan lebih daripada satu

bahasa. Dengan erti kata lain, penutur sebegini adalah dwibahasa ataupun dikenali sebagai bilingual. Misalnya seorang penutur dari kaum India menggunakan bahasa Tamil dalam perbualannya dengan seorang lagi dari kaum yang sama. Tiba-tiba penutur tersebut menggunakan bahasa Inggeris untuk seketika dalam perbualan dan kemudiannya berbalik semula kepada bahasa Tamil. Maka, terdapat percampuran kod dalam perbualan tersebut di mana penutur menggunakan bahasa Tamil kemudian menukar kod ke bahasa Inggeris, seterusnya berbalik semula dengan menggunakan bahasa Tamil dalam perbualan. Proses yang sama juga mungkin berlaku kepada penggunaan bahasa-bahasa lain.

Pada asalnya masyarakat India yang berhijrah atau dibawa masuk ke Malaysia dari India mempunyai bahasa ibunda yang berlainan seperti Tamil, Malayalam, Kannadam, Telugu, Hindi, Urdu dan sebagainya. Oleh kerana majoriti daripada mereka adalah keturunan Tamil, maka bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa utama atau bahasa rasmi kaum India di Malaysia. Lama kelamaan, penutur Tamil ini juga mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Maka kebanyakan daripada mereka berkebolehan dwibahasa. Mereka berkebolehan menggunakan dua bahasa dalam komunikasi. Walaupun bahasa ibundanya adalah bahasa Tamil namun mereka menggunakan juga bahasa Melayu dan Inggeris dalam komunikasi harian.

Fenomena penukaran kod, adalah sesuatu yang lazim perlakuan dalam kalangan penutur 'Multilingual'. Fenomena penukaran kod ini, lebih kerap dilihat dalam keadaan tidak formal seperti pertuturan antara ahli keluarga, sahabat dan sebagainya. Kekerapannya adalah kurang dalam keadaan formal. Disebabkan penggunaan dwibahasa dalam bidang pendidikan pada setiap peringkat sekolah, maka pelajar-pelajar sekolah mahu pun guru-guru tidak terkecuali daripada menggunakan dwibahasa dalam situasi formal mahupun

tidak formal. Situasi formal adalah dalam bilik darjah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dan pada waktu mesyuarat. Manakala, keadaan tidak formal adalah di luar bilik darjah seperti kantin dan bilik guru. Pendapat ini dibuktikan oleh Hancock (1995), yang mengatakan bahawa percampuran kod adalah suatu kebiasaan yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar pelbagai kaum semasa berkomunikasi. Tambahan pula, pendapat Hancock disokong dan dipersetujui Hammink (2000), yang menyatakan percampuran kod dalam kalangan pelajar sekolah sememangnya berlaku tidak kira di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah.

Penyelidik akan menyelidik tentang penukaran kod yang berlaku dalam situasi formal iaitu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dalam kalangan guru-guru. Kajian ini telah dijalankan di SJK (T) Vivekananda, daerah Brickfields, Kuala Lumpur.

1.2 Latar Belakang Kajian

Oleh kerana kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru sekolah Tamil, maka wajarlah untuk mengetahui serba sedikit tentang perkembangan bahasa Tamil di Malaysia.

Perkembangan bahasa Tamil di Malaysia di bincang di bawah tajuk- tajuk berikut :

- i) Penghijrahan penutur bahasa Tamil ke Malaysia
- ii) Penubuhan sekolah-sekolah Tamil di Malaysia
- iii) Sistem pendidikan semasa penjajahan British
- iv) Sistem pendidikan sebelum Kemerdekaan
- v) Sistem pendidikan selepas Kemerdekaan
- vi) Pembentukan sukatan pelajaran

1.2.1 Penghijrahan penutur bahasa Tamil ke Malaysia

Menurut beberapa pengkaji tempatan, orang-orang India dari Selatan India mula berhijrah ke Malaya pada akhir abad ke-18. Penghijrahan orang-orang India ke Malaya berlaku pada zaman penjajahan British. Pada tahun 1786, setelah British menakluki Pulau Pinang, mereka memerlukan pekerja untuk bekerja di rumah, ladang-ladang getah, tebu, dan kopi. Maka, pihak British telah membawa masuk buruh India dari negara India Selatan yang sanggup bekerja keras dengan upah yang sedikit. (Murasu Nedumaran 1997)

Sebahagian besar penghijrah India terdiri daripada penutur bahasa Tamil dari Tamil Nadu yang dikenali sebagai Madras pada ketika itu. Pada tahun 1947, penutur bahasa Tamil merupakan 77% daripada jumlah penduduk India di Tanah Melayu dan Singapura. Diikuti dengan orang India Selatan khususnya orang Malayali dan Telugu merupakan 14% dan bakinya terdiri daripada orang India Utara seperti orang Punjabi, Bengali, Gujarati dan Sindhi. (Sumber - Laman web : www.indianmalaysia.com)

Pembahagian etnik-etnik ini berlakunya mengikut pengkhususan pekerjaan. Kebanyakan orang India dan orang Telugu bekerja sebagai buruh ladang, terutamanya di ladang getah. Manakala orang Malayali pula ditugaskan sebagai pekerja pentadbir ladang-ladang. Ada juga orang Malayali diberi tugas sebagai pekerja kolar putih pentadbiran di Bandar. Kaum Tamil Ceylon dari Sri Lanka pula diberi tugas dalam sektor kerajaan pada taraf kerani. Orang Sikh pula bertugas sebagai anggota polis atau pengawal keselamatan.

Pada umumnya, masyarakat India yang dibawa dari negara India Selatan mempunyai bahasa ibunda yang berlainan seperti Tamil, Kannadam, Malayalam, dan Telugu. Lama kelamaan, masyarakat India yang dibawa dari India Selatan ke Malaya telah meningkat dan majoriti daripada mereka adalah dari penutur Tamil. Maka, bahasa Tamil digunakan dengan meluas dalam kalangan mereka dan ia dijadikan sebagai bahasa utama masyarakat India di Malaysia.

Jadual 1.1 menunjukkan satu perangkaan penduduk kaum India berbahasa ibunda berlainan yang menetap di Malaya dari tahun 1921 hingga 1947. (Sumber : Akhbar Malaysia Nanban bertarikh 28/08/2005).

Jadual 1.1 : Taburan Penduduk Suku Kaum India di Malaysia

Bilangan Penduduk Kaum India Di Malaysia Dari Tahun 1921-1947			
Kaum	Bilangan / Tahun		
	1921	1931	1947
Tamil	387,509	514,778	460,985
Telugu	39,986	32,536	24,093
Malayali	17,190	34,898	44,339
Orang India Utara (Punjabi)	25,495	39,635	54,321
Lain-lain	-	-	15,968

(Sumber : Sejarah Pentadbiran dan dasar Pembangunan,
Institut Tadbiran Awam Negara, 1993)

Jadual menunjukkan bahawa, kaum India yang berbahasa Tamil lebih ramai berhijrah ke Malaya berbanding dengan kaum India berbahasa lain. Penghijrahan kaum India ke Malaya berterusan dari tahun 1786 hingga 1938 (Murasu Nedumaran 1997:55). Seterusnya, jadual 1.2 menunjukkan taburan penduduk mengikut kaum di Malaysia dari tahun 1921 hingga 1947.

Jadual 1.2 : Taburan Penduduk Mengikut Kaum di Malaysia

Bilangan Penduduk Berbilang Kaum Di Malaysia Dari Tahun 1921-1947			
Tahun	Kaum / Bilangan		
	Melayu	Cina	India
1921	1,592,531	857,286	439,210
1931	1,890,844	1,287,571	572,990
1947	2,427,853	1,884,647	535,092

(Sumber : Laporan Banci Penduduk 1921-1947).

Jadual menunjukkan terdapat peningkatan dalam bilangan penduduk kaum India dari tahun 1921-1947. Ini kerana penghijrahan orang India ke Malaya mengakibatkan bilangan orang India di Tanah Melayu agak meningkat. Selepas tahun 70-an, kebanyakan pekerja ladang getah kaum Tamil dan kaum Telugu mula berhijrah ke bandar dan ramai daripada mereka bersusah payah bekerja di bandar dan kini dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

(Sumber - Laman Web : www.indianmalaysia.com)

1.2.2 Penubuhan Sekolah–Sekolah Tamil di Malaysia

Pada mulanya masyarakat India yang dibawa ke Malaya sebagai buruh oleh British tidak diberi peluang menerima pendidikan formal. Namun begitu, keadaan ini berubah setelah pentadbir British telah membuat keputusan untuk memberi pendidikan tamil kepada kanak-kanak pekerja India pada tahun 1905, sebagai ganjaran untuk menarik pekerja-pekerja India selatan yang baru dan juga yang lama supaya kekal di Tanah Melayu dan terus bekerja di bawah naungan British. (Kulandasamy 1989/1990).

Menurut Kandan, A. (1979), pada tahun 1816, kelas Tamil yang pertama telah dimulakan secara rasmi di Penang Free School. Di sekolah ini, bahasa Tamil diajar sebagai salah satu mata pelajaran. Kekurangan pelajar menyebabkan kelas bahasa Tamil hanya berjalan selama dua tahun sahaja di Penang Free School. (Marimuthu Rajoo, 1995). Namun begitu, pada tahun 1850, pertubuhan-pertubuhan mubaligh Kristian telah mula menubuhkan sekolah-sekolah ‘Anglo-Tamil’. Bahasa Tamil dan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut. Namun, nasib malang menyebabkan sekolah-sekolah ini juga ditutup dengan alasan kekurangan murid. (Kandan, A. 1979:14).

Pada tahun 1912, satu Rang Undang-Undang Buruh diluluskan oleh kerajaan British. Satu peruntukan telah dimasukkan ke dalam ordinan ini iaitu majikan ladang getah diwajibkan membina sekolah bagi anak-anak pekerja mereka. Setiap ladang yang mempunyai 10 orang murid dalam lingkungan umur 7 hingga 14 tahun mesti mendirikan sebuah sekolah dan membekalkan guru. (Kandan, A. 1979:17). Sekolah-sekolah pada masa itu didirikan dan dibiayai oleh kerajaan, majikan ladang dan kesatuan-kesatuan mubaligh Kristian dan Hindu.

Sekolah-sekolah Tamil didirikan di ladang-ladang getah yang sebahagian besar kaum keturunan India ditempatkan. Sekolah Tamil juga didirikan dan dikelolakan oleh masyarakat India sendiri. Pihak Kerajaan atau majikan ladang getah tidak memberi bantuan sama ada dari segi fizikal, kewangan dan pedagogi. Oleh itu sekolah-sekolah Tamil yang didirikan di ladang-ladang getah menghadapi beberapa kekurangan dari segi isi kandungan kurikulum, tenaga pengajar dan pedagogi. Sekolah ini adalah tidak berfungsi dan bersifat “*cul-de-sac*” iaitu sebahagian besar pelajarinya akan kekal di ladang getah menjadi buruh kasar.

Mubaligh Kristian juga banyak memberi sumbangan kepada perkembangan pendidikan Tamil. Kurikulum di sekolah-sekolah Tamil ini disesuaikan mengikut negeri India. Begitu juga, kebanyakan guru serta buku-buku teks telah dibawa masuk dari India. Kurikulumnya menegaskan pengetahuan dalam kemahiran asas 3M iaitu membaca, mengira dan menulis . Pendidikan di sekolah Tamil juga terhad di peringkat rendah sahaja. Dasar pemerintahan Inggeris terhadap perkembangan pembangunan sekolah Tamil terus menambahkan lagi jurang pendidikan antara tiga kaum utama di negara kita iaitu Melayu, Cina, dan India. Jadual 1.3 menunjukkan bilangan sekolah Tamil dan jumlah murid dari tahun 1938 hingga 2007.

Jadual 1.3 : Bilangan Sekolah Tamil Dan Murid

Dari Tahun 1938 Hingga Tahun 2007.

Tahun	Bilangan Sekolah Tamil	Bilangan Murid
1938	547	22, 820
1947	741	33, 945
1956	877	47, 407
1957	888	50,766
1958	874	53, 098
1959	840	56, 297
1960	815	60, 726
1961	784	63, 917
1962	745	66, 504
1963	720	67, 649
1964	704	69, 362
1965	700	72, 828
1966	695	76, 350
1967	686	79, 203
1968	666	81, 428
1969	662	80, 750
1970	657	79, 278
1971	647	77, 192
1972	635	78, 758
1973	631	78, 854
1974	618	79, 674
1975	612	80, 404
1976	606	80, 103
1977	606	78, 841
1978	600	77, 525
1979	596	77, 013
1980	589	73, 958
1981	583	73, 513
1982	579	73, 897
1983	575	74, 255
1984	571	75, 028
1985	566	76, 653
1986	555	81, 051
1987	553	83, 228
1988	548	87, 837

1989	548	92, 243
1990	547	96, 120
1991	544	99, 876
1992	543	102, 493
1993	541	104, 638
1994	539	103, 963
1995	538	102, 776
1996	531	99, 525
1997	530	98, 072
1998	530	94, 907
2000	524	89, 175
2006	523	101, 972
2007	523	105, 618

Sumber : The Malaysian Indian Dilemma, 2006.

Menurut jadual, bilangan sekolah Tamil telah meningkat dari 547 pada tahun 1938 menjadi 888 pada tahun 1957. Bilangan sekolah Tamil mula menurun selepas tahun 1961 dan pada tahun-tahun berikutnya sehingga mencatat bilangannya sebanyak 523 pada tahun 2007. Namun begitu, terdapat peningkatan dari segi enrolmen murid iaitu bilangan murid pada tahun 1938 dicatat sebanyak 22, 820 manakala kedudukan ini meningkat sebanyak 105, 618 murid pada tahun 2007. Walaupun sekolah Tamil mengalami kemerosotan dalam bilangan, namun peningkatan bilangan murid di sekolah Tamil dari tahun ke tahun menunjukkan masyarakat India memang menghargai serta meninggikan martabat bahasa Tamil dengan mempelajari bahasa Tamil.

1.2.3 Sistem Pendidikan semasa penjajahan British

Pada zaman pemerintahan kerajaan British, pentadbir British telah mula mengambil perhatian terhadap pendidikan di negeri-negeri Selat dengan penubuhan dan perkembangan Sekolah Vernakular Melayu. Blundell (Gabenor negeri Selat) telah mencadangkan supaya menubuhkan sekolah-sekolah Vernakular Melayu di negeri-negeri Selat dengan bantuan kerajaan British.

Perkembangan sekolah Vernakular Tamil bermula semasa perkembangan ladang getah, kelapa sawit, kopi dan gula di Tanah Melayu. Ramai buruh dari negara India telah dibawa untuk bekerja di estet-estet. Kumpulan-kumpulan mubaligh Kristian banyak memberi sumbangan kepada perkembangan pendidikan formal dalam bahasa Tamil pada peringkat awalnya. Sehingga tahun 1938, terdapat 13 buah sekolah Tamil kerajaan, 511 buah sekolah estet, 23 buah sekolah mubaligh dan 60 buah sekolah Tamil swasta di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. (Laporan Yayasan Strategi Sosial bahagian pendidikan dan sekolah Tamil tahun).

1.2.4 Sistem Pendidikan Sebelum Kemerdekaan

Sewaktu pencetusan perang dunia kedua (1940 – 1945) Jepun telah menawan kesemua negeri di tanah Melayu. Oleh yang demikian, pendidikan bahasa Tamil di Tanah Melayu mengalami kemerosotan setelah bahasa Jepun dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah pada masa tersebut. Guru-guru yang mengajar di sekolah Tamil diberi latihan mengajar bahasa Jepun. ([http:// www.angelfire.com](http://www.angelfire.com)).

Selepas perang dunia kedua, iaitu pada tahun (1947 – 1950) pendidikan Tamil mula berkembang. Kedatangan penjajah Inggeris memberi perubahan dalam sistem pendidikan bahasa Tamil. Perubahan yang mendadak kepada pendidikan Tamil adalah, bahasa Tamil diajar secara bebas di semua sekolah rendah dan pendidikan bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah. Selain itu, pada tahun 1946 bermulanya pengajaran bahasa Tamil pada peringkat atasan iaitu sehingga darjah 7. Namun, kelas ini hanya dimulakan di beberapa sekolah bandar sahaja.

Mulai tahun 1947, pihak kerajaan mengambil langkah supaya menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran dan pembelajaran serta menyediakan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah. Guru-guru ini mempunyai rekod penilaian yang baik serta mempunyai etika pengajaran yang boleh dicontohi oleh para pelajar. Hasil daripada langkah kerajaan ini, kedudukan pelajar meningkat di sekolah Tamil. Tambahan pula, guru-guru sekolah Tamil dan sekolah Melayu diberi layanan serta gaji dan kemudahan yang sama rata.

1.2.5. Sistem Pendidikan Selepas Kemerdekaan

Setelah Malaysia menerima kemerdekaan daripada Inggeris pada tahun 1957, Menteri Pendidikan pada masa itu Rahman Talib mengetuai suatu pasukan untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara. Hasil daripada kajian tersebut terbentuklah **“Laporan Rahman Talib”** pada tahun 1960. Dalam laporan ini, tidak terdapat maklumat berkaitan dengan sekolah mahupun pendidikan Tamil malah bahasa Melayu diberi keutamaan. Justeru, semua sekolah Melayu dijadikan sekolah kebangsaan dan semua sekolah Tamil dan sekolah Cina dijadikan sekolah Jenis Kebangsaan. Hasil dari perubahan ini, jumlah sekolah

Tamil pada tahun 1960 iaitu sebanyak 815 berkurang sebanyak 700 pada tahun 1965. Manakala bilangan murid meningkat sebanyak 72, 828.

Terdapat tiga jenis laporan penting yang menjadi asas kepada sejarah pendidikan selepas kemerdekaan, iaitu “**Laporan Barnes (1950)**” yang disediakan oleh L.J. Barnes. Laporan ini disediakan dengan tujuan untuk menyiasat kedudukan serta memperbaiki pendidikan orang Melayu. Seterusnya laporan kedua adalah “**Laporan Fenn-Wu (1951)**” yang diketuai oleh Dr. Fenn (Setiausaha Kerja Bersekutu - Negara China) dan Dr. Wu (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu). Tujuan laporan ini adalah bagi mengkaji semula Laporan Barnes. Laporan ketiganya adalah “**Ordinan Pelajaran (1952)**” iaitu sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh kerajaan British untuk mengkaji Laporan Barnes dan Fenn-Wu. Ketiga-tiga laporan ini telah membincang mengenai sekolah-sekolah Tamil.

Terdapat beberapa syor di dalam Laporan Barnes. Antaranya adalah sekolah-sekolah vernakular dalam bahasa Melayu, Cina dan Tamil ditukarkan kepada sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah ini akan menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Manakala syor dalam laporan Fenn-Wu pula sekolah vernakular dibenarkan berfungsi dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil, dan bahasa kebangsaan juga diadakan. Jawatankuasa Ordinan Pelajaran (1952) pula menyatakan sekolah vernakular Cina dan Tamil tidak diterima sebagai sistem persekolahan kebangsaan dan bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga. Walaubagaimanapun, Ordinan Pelajaran (1952) ini tidak menjadi kenyataan disebabkan masalah kewangan.

Selepas tahun 1973, terdapat perubahan dalam bilangan pelajar di sekolah Tamil. Banyak sekolah Tamil mempunyai bilangan pelajar yang kurang dari 200 dianggap sebagai sekolah kecil. Maka, kerajaan mengambil langkah bagi mengintegrasikan sekolah-sekolah yang mempunyai kadar pendaftaran murid yang rendah. Hasil dari gabungan sekolah, bilangan sekolah Tamil berkurangan. Pada tahun 1975, bilangan sekolah Tamil dilaporkan sebanyak 612, manakala bilangan murid pula meningkat sebanyak 80 404.

Yayasan Strategik Sosial iaitu sebuah badan NGO, telah menerbitkan sebuah memorandum yang bertajuk “**Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil Abad ke-21**” yang bertujuan untuk memperincikan kedudukan sebenar sekolah-sekolah Tamil di Malaysia bermula dari zaman kemerdekaan hingga tahun 2008. Dalam jangka masa ini berlakunya perkembangan dan juga kemerosotan dalam bilangan sekolah Tamil di Malaysia. Menurut Sumber Kementerian Pendidikan, bilangan sekolah Tamil di Malaysia pada masa kini adalah 523.

1.2.6 Pembentukan Sukatan Pelajaran

Pembentukan sukatan pelajaran bagi sekolah-sekolah Tamil juga telah mengalami pelbagai perubahan. Pada mulanya, kerajaan British tidak membentuk satu sukatan pelajaran yang teratur bagi semua sekolah Tamil. Pada masa tersebut, mata pelajaran yang diajar di sekolah Tamil berasaskan sukatan pelajaran dari Tamil Nadu, India. Selepas perang dunia kedua, iaitu masa penjajahan British pada tahun 1942 hingga 1945, bahasa Jepun diajar di sekolah-sekolah Tamil dan guru-guru sekolah Tamil pula diberikan latihan pengajaran bahasa Jepun (Vengadesan 1995).

Mengikuti Dasar Pendidikan Baru, iaitu pada masa Malayan Union 1946, bahasa Ibunda telah diajar secara percuma di sekolah-sekolah rendah. Laporan Razak pada tahun 1957, membuatkan sekolah-sekolah Tamil juga mengikuti kurikulum yang sama dengan sekolah-sekolah rendah yang lain kecuali bagi mata pelajaran Bahasa Tamil (Kulandasamy 1989).

Selepas tahun 1980, terdapat perubahan dalam sistem pendidikan Malaysia. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan pada tahun 1983. Kemahiran 3M, iaitu kemahiran seperti membaca, menulis dan mengira dapat diberi keutamaan dalam kurikulum ini. Objektif utama KBSR adalah semua pelajar sekolah rendah sekurang-kurangnya menguasai kemahiran 3M. Hasil dari pembentukan KBSR, ia memberikan kemajuan kepada pendidikan bahasa Tamil. Bilangan pelajar di sekolah Tamil pula menunjukkan peningkatan dari 73, 958 murid pada tahun 1980 kepada 75 028 pada tahun 1984.

Pada masa kini, mata pelajaran yang diajar di sekolah–sekolah Tamil pada peringkat tahap satu, iaitu dari tahun satu hingga tahun tiga adalah bahasa Tamil, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Moral, Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani dan kesihatan dan Pendidikan Seni. Manakala, pada peringkat tahap dua iaitu dari tahun empat hingga tahun enam pula mempunyai tiga mata pelajaran tambahan iaitu Kajian Tempatan, Sivik dan Kemahiran Hidup.

Kesemua mata pelajaran di sekolah Tamil diajar dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil kecuali Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mulai tahun 2003, mata pelajaran Matematik dan Sains mula diajar dalam Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah. Walaupun perkara ini memberi manfaat kepada murid-murid sekolah Tamil, tetapi pengajaran mata

pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris juga menyebabkan penggunaan bahasa Tamil dalam kalangan para pendidik Tamil dan murid-murid sekolah Tamil dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkurangan.

1.3 Permasalahan Kajian

Masyarakat Tamil yang dibawa masuk ke Malaysia dari India telah menetap di negara ini hampir selama satu kurun. Dalam jangkamasa panjang ini, mereka telah menerima atau mengalami pelbagai perubahan dalam bahasa dan budaya mereka. Keadaan ini adalah sesuatu yang lazim dalam kalangan penduduk yang berbilang bahasa dan bangsa. Melalui kajian ini, penyelidik ingin melihat sedikit sebanyak yang mampu mengenai fenomena penukaran kod dalam kalangan guru-guru sekolah Tamil, dalam situasi formal iaitu sewaktu mengajar mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris.

Fenomena penukaran kod bukan suatu yang baru dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini dapat dilihat secara berleluasa dalam komunikasi harian. Hal ini demikian kerana, masyarakat Malaysia berbilang kaum dan dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Sejak dahulu lagi, fenomena penukaran kod berlaku di tempat kerja, antara ahli keluarga dan semasa berbual dengan rakan-rakan. Maka, penukaran kod ini merupakan perkara biasa dalam perbualan harian.

Senario penukaran kod ini berikut–ikutan hingga hari ini. Apa yang dibimbangkan adalah penukaran kod ini berlaku semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan, penukaran kod tidak hanya berlaku dalam situasi tidak rasmi malah berlaku juga dalam

situasi rasmi. Di dalam bilik darjah sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, fenomena penukaran kod ini jelas berlaku dalam kalangan pelajar mahupun guru-guru. Pada pendapat guru, penukaran bahasa secara selang seli dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran memudahkan murid-murid menguasai sesuatu kemahiran dengan jelas. Walaupun begitu, kajian ini akan mengkaji lebih terperinci tentang penukaran kod dalam kalangan guru-guru terutama di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Jelas dilihat, keadaan di sekolah di mana guru-guru sepatutnya menggunakan bahasa Tamil tanpa sebarang campuran bahasa lain tetapi kini mereka lebih cenderung untuk menggunakan perkataan-perkataan dari bahasa Malaysia mahupun bahasa Inggeris. Akan tetapi, sejauh manakah guru dapat menggunakan bahasa Tamil standard tanpa sebarang bahasa lain sewaktu menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran? Bahasa standard ialah satu jenis bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk dan fungsi bahasa. Keseragaman dalam bentuk bererti bahawa bahasa standard sudah dikodifikasikan baik dari segi ejaan, peristilahan, mahupun tatabahasa walaupun kodifikasi bahasa itu tidaklah semestinya merupakan penyeragaman kod yang mutlak.

Satu perkara yang amat membimbangkan ialah budaya bahasa yang tidak sihat terutama penukaran kod berleluasa dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru. Keadaan ini secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif kepada ketulenan sesuatu bahasa. Maka perlunya satu kajian mengenai penukaran kod di bilik darjah terutama dalam kalangan guru SJK Tamil untuk meninjau serta tujuan penukaran kod dilakukan oleh guru-guru ini. Selain itu, penyelidik juga ingin memperlihatkan kekerapan penukaran kod berlaku antara bahasa Tamil, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji penukaran kod yang berlaku dalam kalangan guru-guru ketika menjalankan pengajaran dan pembelajaran di SJK(T) Vivekananda. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Untuk mengesan kekerapan penukaran kod pada peringkat, kata, frasa, klausa dan ayat.

1.4.2 Untuk mengenal pasti pola-pola penukaran kod yang digunakan oleh guru-guru SJK(T) Vivekananda, Brickfields.

1.4.3 Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penukaran kod dalam kalangan guru-guru SJK(T) Vivekananda.

1.4.4 Untuk mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod dalam wacana bilik darjah.

1.5 Soalan-soalan Kajian

Persoalan kajian adalah :

- 1.5.1 Apakah kekerapan penukaran kod pada peringkat kata, frasa, klausa dan ayat?
- 1.5.2. Apakah bahasa yang paling kerap digunakan oleh guru-guru sebagai bahasa pilihan semasa penukaran kod?
- 1.5.3. Apakah perbezaan pola-pola penukaran kod yang berlaku dalam kalangan guru?
- 1.5.4. Apakah faktor-faktor sosiobudaya yang mendorong penukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru SJK(T) Vivekananda?
- 1.5.5. Apakah fungsi-fungsi penukaran kod wacana bilik darjah yang digunakan oleh guru-guru?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk :-

- a) Hasil kajian ini akan dapat mengenal pasti bagaimana fungsi penukaran kod wacana dan faktor sosio-budaya mempengaruhi penutur untuk menukar kod.
- b) Diharap, kajian ini juga akan memberi pendedahan serta menyedarkan pelajar-pelajar linguistik tentang fenomena penukaran kod.
- c) Diharap penyelidikan ini dapat memberi kesedaran kepada pendidik khasnya guru-guru sekolah Tamil dan masyarakat umum tentang kehadiran fenomena penukaran kod serta kesannya terhadap ketulenan bahasa Inggeris, kerana sehingga kini mata pelajaran Sains diajar dalam bahasa Inggeris.
- d) Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat memberi kesedaran kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran dan penulis-penulis buku teks supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memperbanyakkan buku-buku rujukan dalam sains agar guru-guru tidak menggunakan bahasa lain untuk memberi penerangan kepada istilah-istilah sains dalam pengajaran mata pelajaran sains.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada penukaran kod antara tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Kajian ini berdasarkan rakaman situasi formal dalam bilik darjah sewaktu pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru. Tumpuan tidak diberikan kepada aktiviti luar bilik darjah.

Selain itu, tumpuan kajian ini hanya kepada guru-guru sekolah Tamil dan tidak melibatkan murid-murid sekolah Tamil. Matlamat kajian ini adalah membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam kalangan guru-guru dari sudut sosiolinguistik. Namun aspek gender iaitu perbandingan antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam kalangan guru lelaki dan guru wanita tidak diperbincangkan dalam kajian ini.

Bilangan sampel kajian ini terhad kepada enam orang guru yang mempunyai tahap kelayakan pendidikan yang sama dan lingkungan umurnya pula adalah dari 26 hingga 32 tahun. Sampel tidak terhad kepada guru mata pelajaran bahasa Tamil sahaja. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diberi keutamaan dalam kajian ini adalah yang melibatkan mata pelajaran Sains. Pengajaran dan pembelajaran melibatkan mata pelajaran lain iaitu Matematik, bahasa Inggeris, bahasa Malaysia dan mata pelajaran lain tidak dikaji. Sampel hanya dipilih di sebuah sekolah bandar iaitu di SJK Tamil Vivekananda, di daerah Brickfields, Kuala Lumpur.

1.8 Definisi Istilah

Dalam bahagian ini maksud beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian dijelaskan. Antara istilah yang harus diberi penelitan dalam kajian ini adalah penukaran kod, bilingual, multilingual, peringkat penukaran kod iaitu peringkat perkataan, peringkat frasa, peringkat klausa dan peringkat ayat.

1.8.1 Penukaran Kod

Penukaran kod atau pengalihan kod (code-switching), percampuran kod atau pembahuran kod (code-mixing) dan kata pinjaman (lexical borrowing) merupakan beberapa istilah yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Walaupun kesemua istilah tersebut kelihatan sama, tetapi sebenarnya setiap istilah tersebut mempunyai makna yang berbeza. Menurut penjelasan Wikipedia (*the free encyclopedia*), penukaran kod adalah satu terma linguistik yang merujuk pada alternasi antara satu atau lebih bahasa atau dialek dalam pertengahan wacana antara penutur yang menguasai lebih dari satu bahasa. Kadangkala penukaran ini berlanjutan hanya untuk beberapa ayat atau hanya satu frasa. Penukaran sedemikian biasanya dilakukan mengikut subjek atau topik yang dibincangkan, tetapi mungkin juga untuk beberapa sebab yang berlainan, seperti mengikut perasaan (mood) penutur. Maka penukaran kod adalah penggunaan dua atau lebih bahasa secara selang seli dalam komunikasi.

Manakala, dalam Kamus Linguistik (1997: 8), penukaran kod merupakan penggunaan kelainan bahasa atau bahasa lain bergantung pada hakikat dengan siapa seseorang bercakap

atau di mana dia bercakap. Tambahan pula, para sarjana linguistik khususnya dalam bidang sosiolinguistik, telah banyak membuat kajian mengenai fenomena penukaran kod. Dengan ini, terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana berkenaan mengenai konsep penukaran kod.

Menurut Carol Myres Scotton dan W. Ury, penukaran kod membawa maksud “penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Penukaran itu mungkin hanya melibatkan sepatah perkataan atau pertuturan yang beberapa minit sahaja. Ragam itu mungkin terdiri daripada dua bahasa yang tidak berhubung secara genetik ataupun daripada dua gaya dalam bahasa yang sama” .

Manakala, G. Valdes-Fallis pula menyatakan bahawa penukaran kod merupakan “penggunaan dua bahasa secara berselang-seli yang terjadi pada peringkat kata, frasa, klausa”. Pietro (1977), Trugdrill (1974) dan Hudson (1980) pula menyatakan “peralihan atau penukaran kod itu melibatkan penukaran dari satu ragam bahasa kepada satu ragam bahasa yang lain yang dipengaruhi oleh faktor situasi dan masa” (Wong Khek Seng, 1991: 1052).

Fenomena penukaran kod dalam perbualan juga pernah dikemukakan oleh Za'ba seperti berikut, “orang yang baru tahu bahasa asing suka berlagak memakai perkataan bahasa asing supaya menunjukkan ia tahu bahasa itu, perbuatannya itu diikuti oleh orang lain yang tiada tahu. Akhirnya ketepi perkataan bahasa yang sendiri yang sudah ada. Orang-orang yang tahu bahasa asing tiada pandai dalam bahasa sendiri dengan tidak pula usaha menyiasatnya. Bila susah sedikit dapat perkataan bahasanya sendiri digunakanlah perkataan bahasa asing itu.

Berdasarkan dari pernyataan yang dibuat oleh Za'ba jelas membuktikan bahawa fenomena penukaran kod itu terjadi dalam masyarakat yang penuturnya mahir dalam penguasaan lebih dari satu bahasa. Penutur biasanya menukar kod untuk tujuan menunjukkan kebolehan mereka dalam berbahasa asing. Di samping itu, jika penutur mengalami kesukaran untuk menyatakan sesuatu dalam bahasa ibunda, penutur juga akan beralih kod dengan menyelitkan kata-kata dari bahasa asing.

Menurut Asmah Haji Omar (1982 : 128) penukaran kod merupakan perubahan daripada satu kod ke satu kod yang lain dalam pertuturan oleh penutur yang tertentu dan dalam situasi yang tertentu sama ada situasi rasmi mahupun tidak rasmi. Asmah Haji Omar juga mengatakan istilah kod itu boleh saja bermaksud bahasa, dialek atau stail. Dengan pernyataan ini, penukaran kod boleh juga dalam bentuk interbahasa atau intrabahasa dan ia wujud dalam kalangan penutur bilingual serta juga dalam kalangan penutur monolingual (penutur yang bahasa ibundanya ialah bahasa Melayu, tetapi dalam masa yang sama dia juga boleh bertutur dalam dialek Melayu Malaysia). Oleh itu, penutur monolingual ini sering berlakunya peralihan bertutur dalam bahasa Melayu Standard ke dialek Melayu Malaysia apabila berada dalam situasi tertentu atau dalam erti kata lain peralihan dari satu bahasa ke dialek yang berasal dari bahasa yang sama. Dengan itu, jelas menunjukkan bahawa istilah percampuran kod dan peralihan kod itu tidak mempunyai perbezaan.

Namun begitu terdapat juga perbezaan pendapat mengenai penukaran kod dalam kalangan beberapa sarjana linguistik. Kachru (1978:28), berpendapat perbezaan wujud antara penukaran kod dan percampuran kod di mana beliau menyatakan sebagai :

“Codeswitching denotes the distinct functional contexts in which a multilingual makes alternate use of two or more language whereas codemixing refers to the use of one or more language for consistent transfer of linguistic units from one language into another and such a language mixing developing a new restricted or not so restricted code of linguistic interaction”.

Kachru (1978:28).

Antara yang sependapat dengan Kachru adalah Kamurangamalu (1989) turut menyatakan bahawa penukaran kod adalah sememangnya berbeza daripada percampuran kod. Pada pandangan mereka penukaran kod adalah fenomena dalam ayat (intrasentential) manakala percampuran kod adalah fenomena antara ayat (intersentential).

Weinreich (1953), pengkaji bidang sociolinguistik juga mengemukakan pendapat yang sama dengan Kachru mengenai penukaran dan percampuran kod. Menurut beliau, ideal pattern untuk penukaran kod adalah sebagai :

“The ideal bilingual switches from one language to the other according to appropriate changes in the speech situational (interlocutors, topics etc..) but not in an unchanged speech situation, and certainly not within a situation”

(Weinreich 1953:73)

Walaupun terdapat perbezaan pendapat pengkaji mengenai penukaran dan percampuran kod, namun penyelidik tidak membuat sebarang klasifikasi tertentu terhadap penukaran kod. Maka, disimpulkan bahawa fenomena penukaran kod berlaku dalam masyarakat yang penuturnya mempunyai lebih daripada satu bahasa. Percampuran kod terjadi dalam pelbagai bentuk termasuklah pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam

sesuatu bahasa dan tumpuan penyelidikan dalam kajian ini adalah mengkaji penukaran kod dari aspek sosiolinguistik.

1.8.2 Masyarakat Dwibahasa (Bilingual)

Masyarakat dwibahasa adalah bermaksud satu golongan manusia yang berkebolehan berkomunikasi dengan menggunakan dua bahasa. Secara amnya bahasa pertama adalah bahasa ibunda sendiri dan bahasa kedua pula adalah bahasa yang dipelajari. Menurut Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), dwibahasa diertikan sebagai yang ditulis atau dinyatakan dalam dua bahasa; boleh bertutur dalam dua bahasa (biasanya dalam darjah kefasihan yang sama). Jadi kedwibahasaan dimaksudkan sebagai penggunaan dua bahasa. Menurut (Hammik,200), seseorang yang dwibahasawan adalah orang yang dapat menghasilkan kalimat-kalimat yang bermakna dalam bahasa kedua. Manakala pada pendapat (Gumperz,1962), masyarakat dwibahasa adalah menggunakan dua bahasa secara bergantian. Seorang lagi pengkaji tempatan Teo Kok Seong (1996), mengatakan masyarakat dwibahasa adalah masyarakat yang mengetahui dan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa. Mengikut penjelasan kamus linguistik (1997) pula, dwibahasa atau dikenali sebagai bilingual bermaksud mempunyai kaitan dengan dua bahasa.

1.8.3 Masyarakat Multilingue (Multilingual)

Masyarakat pelbagai bahasa atau dikenali sebagai multilingual adalah golongan manusia yang berkebolehan berkomunikasi menggunakan lebih daripada dua bahasa. Biasanya bahasa pertama adalah bahasa ibunda manakala bahasa kedua dan bahasa ketiga adalah bahasa yang dipelajari. Dalam Kamus linguistik (1997), multilingual / polylingual bermakna yang berkaitan dengan lebih daripada satu bahasa, seperti individu, masyarakat, manuskrip, buku atau kamus yang menggunakan beberapa bahasa. Sebagai contohnya masyarakat India adalah masyarakat dwibahasa, di mana bahasa pertama adalah bahasa ibundanya iaitu bahasa Tamil manakala bahasa kedua adalah bahasa Malaysia mahupun bahasa Inggeris selaku bahasa yang dipelajari. Maka, mereka menggunakan dua bahasa dalam komunikasi harian. Begitu juga kaum Melayu dan kaum Cina.

1.9 Peringkat-peringkat berlakunya penukaran kod.

Secara amnya penukaran kod berlaku dari segi perkataan, frasa, klausa dan ayat. Penyelidik membincangkan secara terperinci setiap peringkat penukaran dengan contoh yang sesuai.

1.9.1 Peringkat perkataan

Perkataan boleh ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil yang membawa maksud bahawa perkataan boleh berdiri sendiri dan binaannya tidak boleh dibahagikan atau dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil lagi. (Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid, Tatabahasa Dewan 2008). Penukaran kod pada peringkat perkataan hanya

melibatkan beberapa perkataan dalam sesuatu ayat ditukarkan kod. Penukaran kod di peringkat perkataan ini juga dilakukan tanpa sebarang penambahan imbuhan bahasa yang satu lagi pada akhir perkataan.

Contoh : ﺯﯨﺘﯩﻞ ﺍﻗﺸﯩﻐﯩﻦ ﻣﺎﺩﺍﻡ.
(Nalaiku varren madam)
Puan, esok saya akan datang.

1.9.2 Peringkat frasa

Frasa ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan, ataupun satu perkataan yang berpotensi untuk diperluas menjadi dua perkataan atau lebih (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid, 2008). Penukaran kod pada peringkat frasa pula, melibatkan frasa majmuk (compound phrase) dalam sesuatu ayat ditukarkan kod. Penukaran kod di peringkat perkataan ini juga dilakukan tanpa sebarang penambahan imbuhan bahasa yang satu lagi pada akhir perkataan.

Contoh : Pintu pagar ﺍﻗﺸﯩﻐﯩﻦ ﺳﯩﻠﻦ .
(Pintu pagar puutiruku Seelan)
Seelan pintu pagar berkunci.

1.9.3 Peringkat klausa

Selain daripada peringkat perkataan dan peringkat frasa, penukaran kod juga berlaku pada peringkat klausa. Klausa ialah satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat, yang menjadi konstituen kepada ayat. (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid, 2008). Pada peringkat ini, sebahagian maklumat dalam sesuatu ayat ditukarkan kod. Penukaran kod pada peringkat klausa jarang berlaku berbanding dengan peringkat penukaran yang lain.

Contoh : $\frac{3}{4}\bar{o}\bar{A}\phi$, $\frac{1}{4}i\bar{o}$ $\S\bar{A}j\bar{o}$, things $\bar{A}j\bar{i},\phi\bar{E}j\bar{y}$. .
(Thambi kadaikku poi, things vaanginan)
Adik pergi ke kedai lalu membeli barang.

1.9.4 Peringkat ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid, 2008). Penukaran kod dalam peringkat ayat wujud sebagai satu ayat yang penuh atau lengkap. Sesuatu ayat yang berlainan kod diselitkan ke dalam ujaran dikatakan sebagai penukaran kod peringkat ayat. Kod yang dimaksudkan boleh jadi satu bahasa atau variasi bahasa seperti dialek, idiolek dan sebagainya.

Contoh : எனக்கு மீன் சாப்பிட பிடிக்கும்.
(Enaku meen saapida pidikum)
Saya suka makan ikan.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah memahami serta menelaah masalah atau isu kajian yang dijalankannya ini. Bab 1 telah membincang dengan lebih jelas tentang latar belakang kajian, objektif dan tujuan kajian, soalan-soalan kajian, batasan kajian dan juga beberapa definisi istilah yang penting dalam kajian ini. Selain itu, seperti yang dinyatakan di atas, kajian ini hanya tertumpu pada skop yang khusus, iaitu melibatkan guru-guru SJK(T) Vivekananda sahaja. Ini bermakna dapatan kajian ini adalah merujuk atau sesuai kepada sekolah itu sahaja.